



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	22/6/2021	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	JMG			

Tiada mendapan tanah berlaku

Penggunaan air bawah tanah tidak beri kesan negatif

Oleh HAZELEN LIANA
KAMARUDIN

KOTA BHARU

Penggunaan air bawah tanah yang tinggi terutama di kawasan bandar di Kelantan tidak meninggalkan kesan negatif kepada bentuk muka bumi seperti mendapan tanah.

Pengurus Besar Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB), Datuk Ir Dr Azuhan Mohamed berkata, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) sentiasa membuat pemantauan bagi mengesan sebarang pergerakan tanah sekira-

nya berlaku.

“Kejadian mendapan tanah boleh berlaku dalam dua keadaan, iaitu pembangunan air bawah tanah dalam ‘akuifer aluvial’ tertekan di mana lapisan tanah liat berada di atas lapisan pasir.

“Kedua, pembangunan air bawah tanah berlebihan dalam tempoh lama iaitu belasan atau puluhan tahun.

“Fakta ini menyebabkan terjadi mendapan tanah akibat pembangunan air bawah tanah di Thailand khususnya di Bangkok dan di Pulau Jawa, Indonesia.

“Di Denmark, hampir 100 peratus air yang digunakan adalah air bawah tanah tanpa kesan negatif yang ketara kepada alam



AZUHAN

sekeliling,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, perkhidmatan bekalan air awam di Kota Bharu adalah dari sumber bawah tanah sementara kawasan luar bandar pula penduduk menggunakan air mentah dari sungai dan bukit.

“Bagaimanapun, pembangunan air permukaan berskala mega sedang dirancang untuk meningkatkan bekalan air terawat di utara lembangan Sungai Kelantan.

“Langkah ini di bawah pelan Pembangunan Takungan Air Pinggiran Sungai dengan kapasiti 500 juta liter sehari (TAPS-500) di Jajahan Machang,” katanya.